

# Citibank, UPM latih 800 wanita berniaga

**SERDANG** - Citibank Bhd. (Citibank) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan inisiatif latihan untuk 800 wanita berpendapatan rendah menerusi Program Citibank-UPM Pemerkasaan Kewangan bagi Wanita Matang.

Program tersebut yang dilaksanakan dengan kerjasama ahli-ahli Persatuan Wanita UPM (PERMATA) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) bertujuan membantu wanita berusia 40 hingga 60 tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Ketua Pegawai Eksekutif Citi, Sanjeev Nanavati berkata, program itu membolehkan wanita terbabit berdikari daripada segi kewangan dan tidak bergantung kepada orang lain ketika usia tua.

"Kami akui betapa pentingnya memperlengkapkan komuniti dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan supaya mereka mempunyai keyakinan untuk memperbaiki kebolehan membuat keputusan, membina aset dan berdikari dari segi ekonomi.

"Masyarakat yang mahir dalam aspek kewangan mampu memberi sumbangan positif kepada negara dari segi kewangan dan sosioekonomi," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Sanjeev menjelaskan, antara kandungan latihan tersebut ialah membangunkan rancangan tabungan, pelaburan dan persaraan, di samping menyemai tingkah laku kewangan positif untuk membantu wanita yang tinggal di bandar, pinggir bandar serta kawasan sekitar Lembah Klang.